

PA

SURAT KUASA WAKIL

Surat Kuasa Wakil telah diberikan pada _____ haribulan _____ 20__ oleh
 _____ (No. K/P. _____) (“Pemberi”).

Bahawasanya

1. Melalui Perjanjian Pinjaman bertarikh _____ haribulan _____ (“Perjanjian Pinjaman”) yang dimeterai di antara CIMB Bank Berhad (No. Pendaftaran Syarikat 13491-P) (“Bank”) dan Pemberi atau Peminjam atau Pelanggan sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam Perjanjian Pinjaman yang mana ianya telah diterima oleh Pemberi atau Peminjam atau Pelanggan, Bank telah bersetuju, tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan, di dalamnya untuk memberikan, menyediakan dan melanjutkan kepada Pemberi atau Peminjam atau Pelanggan kemudahan perbankan yang dinyatakan didalamnya (“Kemudahan”).
2. Selaras dengan peruntukan Perjanjian Pinjaman dan/atau Suratikatan Penyerahhakan bertarikhharibulan(yang mana kesemuanya atau mana-mana bahagian daripadanya akan dirujuk sebagai “Perjanjian-Perjanjian tersebut”), Pemberi dikehendaki menyerahkan Surat Kuasa Wakil kepada Bank untuk membolehkan Bank melaksanakan hak-hak secara lebih bersedia dan benefisial, remedi dan kuasa yang telah diberikan kepada Bank di bawah Perjanjian-Perjanjian tersebut.

MAKA DENGAN INI INSTRUMEN INI MENYAKSIKAN bahawa sebagai balasan premis dan pertimbangan selanjutnya dari Bank untuk bersetuju menyediakan dan atau meneruskan Kemudahan pada bila –bila masa atau dari masa kesemasa kepada Pemberi atau Peminjam atau Pelanggan, Penerima dengan ini secara tidak boleh batal dan cara pemberian sekuriti untuk pembayaran Keberhutangan dibawah Kemudahan oleh Pemberi atau Peminjam atau Pelanggan dan pelaksanaan oleh Pemberi atau Peminjam atau Pelanggan kewajipannya seperti yang terkandung dalam Perjanjian-perjanjian tersebut, melantik Bank atau mana-mana pengarah Bank atau mana- mana pegawai Bank, untuk menjadi wakil Pemberi (Wakil) untuk atau di atas nama Pemberi, untuk melakukan dan/atau menyempurnakan perlakuan berikut dan suratikatan-suratikatan atau mana- mana daripadanya pada ketika Wakil merasakan ianya sesuai berhubung dengan hak-hak, hakmilik, dan kepentingan Pemberi terhadap harta sepertimana yang telah dirujuk dalam Perjanjian- Perjanjian tersebut (“Harta Tersebut”):-

1. Untuk menuntut, mengambil tindakan/menyaman dan menerima daripada mana-mana orang perseorangan, syarikat berdaftar, perbadanan, kerajaan atau badan politik yang lain kesemua dividen, faedah, bonus, atau mana-mana amaun yang menjadi terakru kepada Pemberi berhubung dengan Harta Tersebut dan begitu juga sebaliknya mana-mana amaun wang modal yang diwakili oleh atau termasuk dalam Harta Tersebut apabila ia sepatutnya menerima bayaran atau dibayar.
2. Untuk apa jua tujuan untuk menandatangani, endors, dan menyempurnakan segala resit, dividen, dan waran kepentingan, cek, pelepasan, pelepasan tanggungan, pemindahhakan semula, atau suratikatan- suratikatan lain atau apa-apa dokumen yang mungkin perlu dan biasa dalam hal tersebut.
3. Untuk menghadiri, mengundi, dan ataupun sebaliknya mengambil bahagian dalam semua mesyuarat yang diadakan yang berkaitan dengan mana-mana syarikat atau perbadanan

berhubung dengan Harta Tersebut dan untuk menandatangani proksi-proksi dengan tujuan undian atau untuk apa-apa tujuan lain yang berkaitan dengannya secara bebas sepertimana yang boleh dilakukan oleh si Pemberi.

4. Daripada wang perbelanjaan milik Pemberi dalam tangan Wakil atau di bawah kawalan Wakil, untuk membayar semua perkara yang sah dicaj kepada Pemberi atau apa-apa perbelanjaan lain yang mungkin ditanggung berhubung Harta Tersebut dan untuk memberikan sekuriti untuk pembayaran yang sama.
5. Untuk menerima segala notis, laporan, akaun, pekeliling dan dokumen-dokumen lain, yang dihantar kepada pemegang-pemegang berdaftar Harta Tersebut.
6. Untuk menerima servis, atau bersetuju untuk mengetepikan, semua atau apa-apa notis atau untuk bersetuju menerima notis yang singkat bagi dan untuk menghadiri semua atau apa-apa mesyuarat atau mesyuarat kelas pemegang-pemegang berdaftar Harta Tersebut, dan melaksanakan semua undian dan hak-hak dan kuasa lain yang boleh dilaksanakan pada bila-bila masa berhubung dengan mesyuarat-mesyuarat tersebut.
7. Untuk memindahmilik atau memperolehi pindahmilik Harta Tersebut dalam nama Wakil atau penama atau penama-penamanya atau nama mana-mana pembeli Harta Tersebut atau penama atau penama-penama kepada pembeli (dan untuk tujuan tersebut untuk menyempurnakan, melakukan dan/atau melaksanakan penyempurnaan apa-apa bentuk borang pindahmilik yang berkaitan), dan untuk menyempurnakan dan menyerahkan kesemua suratikatan-suratikatan yang lain atau dokumen-dokumen dan untuk melaksanakan apa-apa perkara yang difikirkan wajar atau perlu oleh Wakil untuk melengkapkan atau memberi kesan yang sepatutnya berkaitan dengan niat dan tujuan Perjanjian-Perjanjian, atau untuk memperolehi pendaftaran apa-apa pindahmilikan Harta Tersebut ke atas nama mana-mana penerima pindahan.
8. Untuk menjual, memindahmilik, menukar atau sebaliknya melepaskan kesemua atau mana-mana bahagian hakmilik kepada dan kepentingan di dalam dan mana-mana hak yang disandarkan kepada Harta Tersebut untuk pertimbangan/balasan tersebut (yang mungkin terdiri atau termasuk saham-saham atau debentur-debentur) dan perlu dilaksanakan atas terma tersebut, dan secara amnya dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Wakil mengikut budi bicara mutlaknyanya dan untuk tujuan ini untuk memasuki apa-apa kontrak untuk penjualan tersebut dan pelupusan atas terma tersebut (termasuk pemberian waranti dan tanggung rugi) dan tertakluk kepada syarat-syarat yang difikirkan sesuai oleh Wakil mengikut budi bicara mutlaknyanya.
9. Untuk menerima atau memberikan kuasa penerimaan pertimbangan jualan, pindahmilikan, penukaran atau pelupusan sepertimana yang dirujuk dalam perenggan 8 di atas dan untuk mengaplikasikan mana-mana hasil daripadanya dalam dan untuk pelepasan Keterhutangan dengan cara yang telah termaktub dalam Perjanjian-Perjanjian.
10. Untuk memberi pajakan, subpajakan dan penyewaan Harta Tersebut kepada orang perseorangan, firma-firma atau syarikat-syarikat pada kadar sewa yang tertentu dan atas terma tertentu yang difikirkan sesuai oleh Wakil dan membenarkan orang perseorangan, firma, atau syarikat-syarikat menduduki Harta Tersebut dan untuk menerima penyerahan pajakan, subpajakan dan penyewaan dan membuat, menandatangani dan menyerahkan kesemua pajakan, subpajakan, dan penyewaan.

11. Untuk mengambil dan menerima penyerahan suratcara hakmilik Harta Tersebut dan untuk melengkapkan, menyempurnakan, dan menyerahkan kesemuanya dan apa-apa atau suratcara pindahmilik yang selanjutnya yang memihak kepada Pemberi dan/atau gadaian yang memihak kepada Bank dan/atau apa-apa dokumen lain atau suratcara yang mana Pemberi pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa berkewajipan untuk menyempurnakannya menurut Perjanjian-Perjanjian tersebut, dan untuk menguatkuasakan apa-apa pendaftaran dan melakukan apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu atau dirasakan perlu oleh Wakil, sebaiknya untuk memberi kesan yang betul terhadapnya, dan untuk menyempurnakan apa-apa dokumen atau suratcara dan untuk melakukan apa-apa tindakan dan perkara berhubung dengan kesemua atau mana-mana saham atau syer atau apa-apa perkara berkaitan dengan mana-mana perkara yang selanjutnya atau gadaian lain, sepertimana Wakil menurut suratcara ini berhak atau diberikan kuasa untuk menyempurnakan atau melakukannya berhubung dengan Perjanjian-Perjanjian tersebut.
12. Untuk membayar semua cukai, duti setem, kadaran, taksiran, yuran guaman, caj-caj, pembayaran, insuran, perbelanjaan, dan belanja pasti lain, yang mana diperlukan dari semasa ke semasa untuk dibayar oleh Pemberi atau boleh dicaj atas nama Pemberi atau atas akaun Harta Tersebut dan untuk mendebitkan perkara yang sama atas akaun Penyerahhak atau Peminjam, atau Pelanggan yang diselenggara dengan Bank sebagai jumlah yang dicagar/dijamin selaras dengan Perjanjian-perjanjian tersebut.
13. Untuk memberikan apa-apa kelulusan (jika difikirkan perlu atau dikehendaki oleh Wakil) untuk setiap persetujuan untuk mengubahsuai hak Pemberi.
14. Secara umumnya untuk melaksanakan kesemua hak dan hak istimewa dan untuk melaksanakan kesemua duti yang mana pada masa sekarang atau selepas ini mungkin berkaitan dengan Pemberi berhubung dengan salah satu daripada Harta tersebut, dan untuk melakukan semua hal-hal lain dengan sepenuhnya dan berkuasa di sisi undang-undang seperimana Pemberi boleh melakukannya sendiri berhubung dengan Harta tersebut.
15. Untuk menyebabkan Surat Kuasa ini didaftarkan di pejabat pendaftaran Mahkamah Tinggi Malaya dan / atau dalam buku-buku dari setiap syarikat atau perbadanan atau di tempat lain yang mungkin dianggap perlu atau dikehendaki oleh Wakil.
16. Untuk mendedahkan kepada mana-mana orang perseorangan atau pihak yang mungkin berkaitan dengan pelaksanaan kuasa yang diberikan ini, termasuklah mana-mana pembeli atau bakal pembeli Harta tersebut, setiap maklumat tentang urusan atau akaun Pemberi atau Peminjam atau Pelanggan, terma dan/atau syarat Perjanjian-perjanjian tersebut, kepentingan cagaran, dan dokumen-dokumen lain atau maklumat yang mungkin berkaitan dengannya atau untuk pelaksanaan kuasa Bank di bawah perjanjian-perjanjian tersebut atau ke atas Harta tersebut, di mana pendedahan tersebut dianggap perlu oleh Wakil untuk atau mustahak untuk melaksanakan kuasa-kuasa di bawah ini.
17. Untuk melantik dan melucutkan mana-mana pengganti atau ejen Wakil dari semasa ke semasa atas budi bicara Wakil berhubung dengan salah satu daripada tujuan yang tersebut di atas atas terma yang difikirkan sesuai oleh Wakil.

DAN Pemberi dengan ini menyatakan bahawa Surat Kuasa ini tidak boleh ditarik kembali selama mana Perjanjian-perjanjian tersebut masih kekal berkuatkuasa atau selama mana Pemberi masih kekal berada di bawah Keterhutangan atau liabiliti (kontinjen atau sebaliknya) di bawah Perjanjian-perjanjian tersebut dan /atau dalam hal yang berhubung dengan pendahuluan yang sedia dan akan datang yang diberikan oleh Bank kepada Pemberi atau Peminjam atau Pelanggan.

DAN Pemberi dengan ini selanjutnya menyatakan bahawa Wakil tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggung jawab terhadap Pemberi atas setiap kerugian atau kerosakan walau macam mana pun dan walau apa pun yang timbul akibat dari, mana-mana perbuatan, kelalaian, peninggalan atau kelalaian Wakil yang timbul dari pelaksanaan kuasa yang diberikan kepada Wakil di sini, dan Pemberi hendaklah sentiasa menanggung rugi Wakil terhadap kesemua kos, perbelanjaan dan caj yang mungkin dikenakan ke atas Wakil dalam melaksanakan kuasa tersebut di atas, dan peruntukan dalam perenggan ini hendaklah berterusan berkuatkuasa walau apa pun / tanpa mengambil kira pelepasan Pemberi dari semua obligasinya di bawah Perjanjian-perjanjian tersebut.

DAN Pemberi dengan ini selanjutnya menyatakan bahawa kesemua dan setiap penerimaan, surat ikatan, perkara dan hal yang mana akan diberikan, dibuat, dilaksanakan atau dilakukan oleh Wakil untuk tujuan yang tersebut di atas hendaklah dianggap sebagai baik, sah dan berkuatkuasa untuk semua maksud dan tujuan apa pun, seolah-olah yang sama telah ditandatangani, dimeterai, disampaikan, diberikan atau dibuat atau dilakukan oleh Pemberi sendiri.

DAN Pemberi dengan ini berakujanji pada setiap saat untuk meratifikasi apa sahaja yang sah (di sisi undang-undang) yang dilakukan oleh Wakil atau perlu dilakukan dalam atau berhubung dengan premis berdasarkan Surat Kuasa Wakil ini.

DAN Pemberi dengan ini selanjutnya menyatakan bahawa dalam Surat Kuasa Wakil ini, perkataan tunggal adalah termasuk jamak dan sebaliknya, perkataan yang merujuk kepada genus maskulin adalah termasuk genus feminine dan genus neutral, dan kecuali apabila konteksnya menentukan yang lain, perkataan dan ekspresi ditakrifkan dalam Perjanjian-perjanjian akan mempunyai erti yang sama apabila digunakan dalam Surat Kuasa Wakil ini.

BAGI MENYAKSIKAN PERJANJIAN INI, maka Saya/Kami dengan ini menurunkan tandatangan saya/kami dan cap mohor pada hari dan tarikh yang tertera di atas.

Ditandatangani dan/atau dimeterai)
dan disampaikan oleh)
)
)
) _____)
) ()
)
)
)
) _____)
) ()

KLAUSA PENGESAHAN

[Peguamcara sila masukkan Klausula Pengesahan (di bawah Akta Surat Kuasa Wakil 1949) untuk Surat Kuasa Wakil]